

02 APR 2002

Mahathir-Langkawi (Bergambar)

TERIMA KASIH PERDANA MENTERI, LUAHAN PENDUDUK LANGKAWI

LANGKAWI, 2 April (Bernama) -- Lebih 10,000 penduduk Langkawi akan berhimpun dalam satu majlis besar-besaran Jumaat ini sebagai tanda penghargaan dan terima kasih mereka kepada arkitek pembangunan pulau peranginan ini, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perhimpunan bagi mengucapkan terima kasih kepada Dr Mahathir di atas usaha yang telah, sedang dan akan dijalankan untuk memajukan Langkawi sehingga terkenal ke seluruh negara dan dunia antarabangsa itu memang kena pada masanya kerana ia berlangsung selepas 15 tahun Langkawi mendapat status pulau bebas cukai iaitu pada 1987.

Pengerusi Bersama Jawatankuasa Penganjur Majlis Rakyat Langkawi Bersama Perdana Menteri, Nawawi Ahmad berkata persiapan rapi telah dibuat bagi menjayakan majlis yang pertama kali diadakan bagi menyatakan penghargaan penduduk Langkawi kepada Dr Mahathir.

Kini ratusan kain rentang bertulis "Terima Kasih Perdana Menteri" berkibar di merata-rata tempat, termasuk kedai makan, premis perniagaan dan di kedua-dua pintu masuk ke pulau peranginan ini, jeti Kuah dan Lapangan Terbang Antarabangsa Langkawi di Padang Matsirat.

Sebanyak 600 kain rentang disediakan oleh Jawatankuasa Penganjur Majlis Rakyat Langkawi Bersama Perdana Menteri dan setakat ini lebih 400 daripada kain rentang yang tertera wajah Dr Mahathir berharga RM60 sehelai telah dijual.

"Bagi menjayakan jamuan kepada mereka yang hadir, 10 kerbau dan lembu, 200 ekor ayam, 100 kilogram ikan selain 20,000 air botol mineral akan dihidangkan kepada orang ramai yang menghadiri majlis itu", kata Nawawi.

Rata-rata penduduk Langkawi yang terdiri daripada pekedai, pengusaha hotel dan pegawai kerajaan bersetuju bahawa Langkawi tidak akan maju seperti sekarang tanpa minat mendalam dan usaha tanpa henti Dr Mahathir.

Status bebas cukai yang diberikan kepada Langkawi telah dapat menjana pembangunan pulau peranginan itu sebagai destinasi pelancongan antarabangsa.

"Kami menanti-nantikan Jumaat ini untuk mendengar amanatnya kerana beliau mempunyai banyak idea untuk pembangunan pulau ini", kata Pengurus Besar Jetty Point Arshad Desa.

Arshad berkata Dr Mahathir telah banyak berjasa kepada Langkawi dan ucapan terima kasih kepadanya seperti yang diluahkan melalui kain rentang "Terima Kasih Perdana Menteri" yang dikibarkan di sekitar bangunan perniagaan di Langkawi pada masa ini sebenarnya masih tidak mencukupi untuk menghargai jasanya.

Dr Mahathir telah meletakkan Langkawi pada peta dunia dan melalui usahanya pulau peranginan itu telah berkembang pesat dan kini mempunyai lebih daripada 20 hotel bertaraf antarabangsa, lapangan terbang bertaraf antarabangsa dan lain-lain kemudahan.

Seorang pengusaha rangkaian restoran makanan laut di sini yang dikenali sebagai Teoh berkata lebih 60,000 penduduk tempatan merasakan inilah masa paling sesuai untuk mengucapkan terima kasih di atas segala usaha Dr Mahathir merancang pelbagai program dan projek untuk membangunkan Langkawi.

Boleh dikatakan hampir setiap bulan Dr Mahathir melawat Langkawi dan meninjau sendiri perkembangan projek pembangunan di sini.

Antara projek yang sering ditinjau ialah perkhidmatan kereta kabel yang menghubungkan kompleks membeli-belah bersepadu di Teluk Burau dengan puncak Gunung Machinchang setinggi 708 meter, projek pemuliharaan Pantai Kok,

projek pengindahan Sungai Kuala Melaka dan projek limbungan membaikpulih kapal layar di Tanjung Lembung.

-- BERNAMA

NH LAT